



## SIARAN MEDIA KETUA SETIAUSAHA NEGARA

### KERAJAAN SASAR 40% PERKHIDMATAN E2E SEPENUHNYA MENJELANG AKHIR TAHUN

**PUTRAJAYA, 9 NOV** – Kerajaan mensasarkan peningkatan kadar penyampaian perkhidmatan sebanyak **40% menjelang akhir tahun 2020** berbanding sasaran tahun 2019 sebanyak 20.2% bagi perkhidmatan dalam talian *end-to-end* (E2E) sepenuhnya.

Menurut Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki bin Ali, pandemik Covid-19 telah memberi kesan kepada sistem penyampaian Kerajaan apabila rakyat dan komuniti perniagaan menghadapi masalah untuk hadir berurus di agensi Kerajaan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

“Oleh yang demikian, kita telah mengarahkan agar Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) merangka dan menyelaras strategi penyampaian perkhidmatan Kerajaan ke arah pengamalan norma baharu pasca Covid-19. Fokus akan diberikan ke arah pendigitalan penyampaian perkhidmatan dengan memanfaatkan industri 4.0 yang menjurus kepada perkhidmatan E2E,” katanya ketika merasmikan Majlis Kick-Off Projek Rintis Sistem Penyampaian Kerajaan ke Arah Pengamalan Norma Baharu Pasca Covid-19 anjuran MAMPU bersama-sama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di Putrajaya hari ini.

Pada peringkat awal, dua (2) buah agensi iaitu JPJ dan JIM telah dipilih sebagai agensi projek rintis dalam peningkatan perkhidmatan E2E, pemantapan proses kerja dan pengurangan perkhidmatan kaunter. Projek ini dijangka dapat dilaksanakan dalam tempoh masa **enam (6) bulan** mulai November 2020.

“Kerajaan akan terus meningkatkan lagi perkhidmatan E2E ini walaupun perlu menghadapi beberapa cabaran yang telah dikenalpasti seperti kekangan akta dan peraturan, prasarana ICT dan kekangan peruntukan.” tambahnya lagi.

Oleh yang demikian, adalah penting untuk semua agensi Kerajaan menyediakan pelan strategik pendigitalan secara menyeluruh yang merangkumi keselamatan komunikasi, rangkaian siber serta mengkaji semula perundangan dan peraturan bagi meningkatkan tadbir urus pengurusan data Kerajaan.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan; YBhg. Dato' Dr. Yusof bin Ismail, Ketua Pengarah MAMPU; YBhg. Dato' Indera Khairul Dzaimee bin Daud, Ketua Pengarah JIM; YBhg. Datuk Mohammad bin Ismail, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Jabatan Perdana Menteri; YBrs. Tuan Haji Mohamad Sanuri bin Shahid, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Kawalan) KDN; dan YBrs. Tuan Zamakhshari bin Hanipah, Timbalan Ketua Pengarah JPJ. Majlis turut diadakan secara dalam talian dan telah disertai oleh pegawai-pegawai kanan MAMPU, JIM dan JPJ di lokasi masing-masing.

\*\*\*

Disediakan oleh:

Unit Pemodenan Tadbiran dan  
Perancangan Pengurusan (MAMPU),  
Jabatan Perdana Menteri  
Tel : 03-88723138  
Faks : 03-88883566